

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PEMBUKAAN RASMI KILANG SYARIKAT  
MALAYSIA EXPLOSIVES SDN. BHD, DI BATU  
ARANG, SELANGOR PADA 8HB JULAI, 1972

Tuan Pengerusi, Y . B . Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang Terutama,  
Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Tuan Pengerusi serta Lembaga Pengarah Syarikat Malaysia Explosives Sdn. Bhd, kerana sudi menjemput saya merasmikan pembukaan kilang syarikat yang baru siap.

Inilah kilang pertama seumpamanya di tanah air kita dan saya sungguh gembira kerana ianya melambangkan kejayaan besar bagi negara kita dalam usaha mencapai matlamat pembangunan. Penubuhan kilang ini membolehkan kita setapak demi setapak mencapai matlamat berdikari atau "self reliance" dari segi pembekalan bahan-bahan keperluan bagi pertahanan negara.

Tidak syak lagi, apabila pengeluaran syarikat ini lancar kelak, Malaysia tidak lagi akan bergantung kepada negara-negara luar untuk bekalan peluru bagi senjata-senjata kecil yang digunakan oleh pasukan keselamatan kita. Dan di samping itu dapat menjimatkan foreign exchange sebanyak lebih kurang \$5 juta setahun.

Saudara-saudara sekalian,

Penubuhan kilang ini menandakan satu peringkat lagi kejayaan kita dalam bidang perindustrian moden dalam ertikata ianya merupakan salah satu perusahaan "high precision" di negara ini. Langkah ini amatlah penting dalam usaha kita menguasai strategic industry terutama dalam keadaan suasana politik international hari ini.

Sumbangan sektor perindustrian dalam pembangunan negara sangatlah mustahak dan akan kian meningkat di masa-masa akan datang. Hingga kini, berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan modal khususnya di lapangan pengilangan dan pembuatan. Kebanyakan barang-barang

keperluan yang dahulunya diimport sekarang dapat dibuat sendiri sementara keluaran-keluaran perusahaan utama yang dahulunya diekspot secara mentah sekarang diproses terlebih dahulu sebelum diekspot.

Bagaimanapun, pendirian Kerajaan mengenai pembangunan perindustrian tidaklah ditujukan semata-mata kepada pasaran tempatan atau import substitution sepertimana dahulu. Kerajaan sedar bahawa perkembangan perindustrian yang pesat dan berterusan hanya dapat dicapai melalui langkah-langkah dinamis yang melangkau batasan perindustrian daripada sempadan negara. Untuk masa hadapan, bidang perindustrian yang export-oriented akan lebih diutamakan, iaitu kedua-dua lapangan agro-based industries dan juga lapangan electronics. Ini pula memerlukan sikap dan approach yang baru, baik di pihak Kerajaan mahupun di kalangan swasta.

Ekspot tidak seharusnya dianggap semata-mata sebagai jalan keluar atau outlet untuk barang-barang baki yang tidak dapat ditampung oleh pasaran tempatan. Sebaliknya bidang ekspot seharusnya dianggap sebagai satu cabaran terbuka kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan juga luar negeri.

Saudara-saudara sekalian,

Berpaling semula kepada Syarikat Explosives Malaysia, projek ini ialah joint venture di antara pihak swasta dengan Kerajaan. Kerajaan telah membiayai sebanyak \$2.6 juta iaitu lebih kurang 52% daripada jumlah modal sebanyak \$5 juta. Bakinya pula drbiayai oleh sebuah syarikat tempatan iaitu Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji bersama-sama dengan dua syarikat asing iaitu Oerlikon Machine Tool Works Buhle dari Switzerland dan Dynamit Nobel A. G. dari Jerman Barat.

Inilah satu bukti lagi menunjukkan kerjasama berat antara pihak swasta dengan Kerajaan dalam pembangunan perindustrian. Adalah menjadi dasar Kerajaan sekarang mengambil bahagian yang aktif dalam penubuhan industri iaitu menyertai projek-projek perindustrian yang strategic seumpama ini di samping mempelupuri perindustrian di kawasan luar bandar yang tidak begitu menarik kepada pihak swasta.

Saya diberi tahu Oerlikon Machine Tool Works Buhrle dan Dynamit Nobel A. G. adalah syarikat pembuat peluru yang terkemuka di dunia, dan menjadi kongsi dan pembekal pengetahuan teknik kepada syarikat ini. Dengan adanya bantuan dan nasihat teknik ini, saya yakin syarikat ini dapat mengusahakan pengeluaran senjata-senjata api untuk kelengkapan angkatan tentera kita.

Kita maklum bahawa perusahaan membuat senjata api dan peluru adalah satu proses yang rumit, kerana bukan sahaja ianya memerlukan pengetahuan teknologi yang tinggi, mesin-mesin yang moden dan effisen, malahan juga tenaga pekerja yang terlebih cekap dan mahir. Sungguhpun pada masa ini, kegiatan-kegiatan-nya terhad kepada membuat peluru-peluru dari bahan-bahan yang diimpot dan semi processed, saya yakin syarikat ini akan terus berkembang dan menambahkan aktiviti-aktiviti pengeluarannya dalam masa yang singkat untuk meliputi semua jenis peluru.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti saya katakan awal tadi, adalah mustahak Kerajaan mengambil langkah ini supaya membolehkan kita berdiri atas kaki kita sendiri bagi mempertahankan kedaulatan negara kita. Begitu juga kita sentiasa mengambil langkah untuk memperalatkan tentera-tentera kita dengan alat-alat moden supaya mereka itu dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna.

Sambil memperkuatkan angkatan pertahanan kita, kita telah juga mengambil inisiatif mengemukakan konsep pengecualian rantau ini yang dikenal sebagai Deklarasi Kuala Lumpur sebagai jalan yang sebaik-baiknya bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia sebelah sini khususnya di wilayah Tenggara Asia ini. Akan tetapi adalah menjadi syarat penting dalam melaksanakan dasar ini supaya setiap negara mempunyai kemampuan dan keazaman mempertahankan kedaulatan negaranya dan wilayah ini supaya keutuhan dan kedaulatan kita sentiasa dihormati oleh negara-negara besar.

Begitu juga kita menjalankan dasar luar negeri yang suka hendak berbaik-baik dengan semua negara khasnya negara-negara jiran kita supaya dengan kerjasama itu kita bukan sahaja dapat menjaga keselamatan dan kedaulatan kita bersama bahkan dapat menjamin yang kita semua sentiasa berada dalam keadaan aman dan stable.

Jadi, kilang ini bolehlah disifatkan sebagai satu langkah permulaan dalam usaha melengkapkan angkatan tentera kita dengan senjata-senjata moden bagi pertahanan negara, supaya menjamin tercapainya objective itu.

Suasana politik international hari ini menunjukkan tanda-tanda yang membawa harapan cerah bagi keamanan dunia. Hasil-hasil pertemuan kemuncak atau summit meeting antara pemimpin-pemimpin negara super-powers dengan lawatan Presiden Nixon ke Peking dan baru-baru ini ke Moscow membayangkan harapan mengenai penyelesaian dan perdamaian di Vietnam. Baru-baru ini kita melihat perkembangan-perkembangan yang sungguh menggalakkan antara Korea Utara dan Republik Korea yang mula merundingkan langkah-langkah bagi penyatuan semula wilayah yang sekian lama terbahagi dua itu.

Jadi kesimpulannya negara-negara super-powers memandang penting kepada mengekalkan detente ini serta bersetuju bahawa negara-negara yang berlainan ideoloji hendaklah co-exist demi keamanan dan for the future of mankind.

Saudara-saudara sekalian,

Berbalik kepada soal perindustrian, saya suka melihat lebih banyak lagi dispersal of industries ke bandar-bandar kecil dan sederhana supaya dapat mengurangkan perbezaan aktiviti ekonomi yang boleh menimbulkan keadaan tidak seimbang di dalam masyarakat. Kerajaan sedar adanya faktor-faktor penarik di kawasan-kawasan bandar dan di kawasan-kawasan yang telah pun raaju. Oleh kerana itu industri di bandar-bandar kecil mungkin tidak mendatangkan faedah-faedah ekonomi yang sepenuhnya kepada investors tetapi sebaliknya memberikan sumbangan sosial yang besar kepada negara.

Saya amat sukacita melihat bahawa Kilang Syarikat Explosives Malaysia ini didirikan di kawasan Batu Arang ini. Penubuhan kilang moden ini akan membawa kemajuan besar dalam pembangunan kawasan ini. Yang lebih penting lagi, penubuhan kilang ini di kawasan luar bandar menyangkal pendapat bahawa perusahaan-perusahaan moden sukar ditubuhkan di kawasan-kawasan luar bandar kerana ketiadaan tenaga kerja yang mahir dan sebagainya.

Saya sukacita juga kerana Syarikat ini sudi menyahut seruan Kerajaan untuk memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada bekas-bekas perajurit kita yang telah banyak menyumbangkan khidmat bakti mereka kepada negara dan tanah air.

Sebelum mengakhiri kata, saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang berkenaan atas keraihan petang ini. Saya berharap semuga syarikat ini berkembang dengan pesatnya dan mempelbagaikan pengeluarannya di samping memberi latihan kemahiran kepada bilangan pemuda yang lebih ramai.

Dengan ini, saya dengan segala sukacitanya merasmikan pembukaan kilang Syarikat Malaysia Explosives Sdn Bhd ini.

Terimakasih.